

Kian ramai dari Indonesia jadi warga

LEBIH ramai orang Indonesia telah memilih menjadi warga Singapura sejak dua tahun lalu, menurut perangkaan kedutaan Indonesia di sini.

Bilangannya telah meningkat daripada 630 orang pada 2010 kepada 740 pada 2011 dan meningkat lagi kepada 870 tahun lalu.

Namun, bilangan itu masih di bawah paras yang pernah dicatatkan sebelum ini iaitu 960 orang pada 2009 dan 1,180 pada 2008.

Seorang jurucakap kedutaan itu berkata, kebanyakannya yang melepaskan kerakyatan Indonesia merupakan mereka yang telah mendirikan rumah tangga dengan warga Singapura.

Kedutaan itu bagaimanapun tidak menyimpan rekod mengenai bangsa atau agama mereka.

Namun, berdasarkan pada nama mereka, ia memberi gambaran campuran pelbagai kumpulan etnik yang berbeza – seperti Cina, Jawa dan Sunda.

Penurunan pada 2010 berkemungkinan besar disebabkan langkah Singapura memperketatkan dasar-dasar imigresen menjelang Pilihan Raya Umum 2011, kata Profesor Hoon Chang Yau dari Universiti Pengurusan Singapura (SMU), yang membuat penyelidikan mengenai budaya dan sejarah bangsa Cina di Indonesia.

Pemerintah telah memperketatkan kriteria bagi memperoleh taraf penduduk tetap (PR) dan kerakyatan pada 2009 sebagai mengurangkan kebimbangan mengenai pembanjiran warga asing.

Namun kebimbangan bahawa Singapura akan memperketatkan lagi peraturan itu menyebabkan bilangan yang melepaskan kerakyatan Indonesia untuk menjadi rakyat Singapura telah meningkat, tambahnya.

“Ada rakyat Indonesia berpendapat mereka patut mendapatkan kerakyatan Singapura dengan segera jika tidak ia akan menjadi lebih sukar untuk berbuat demikian pada masa depan.”

Pemimpin masyarakat Indonesia di sini berkata Singapura merupakan destinasi pilihan kerana ia menawarkan pekerjaan baik, jaminan keselamatan dan pendidikan baik bagi anak-anak mereka.

Namun Encik Yoga Dirga Cahya, presiden Forum Masyarakat Indonesia di Singapura, berkata ramai tidak melepaskan kerakyatan asal kerana mereka mempunyai hubungan kuat dengan keluarga di Indonesia.

Forum itu merupakan badan bagi sekitar 10 persatuan bagi warga Indonesia di Singapura, dan menganjurkan pelbagai kegiatan bagi sekitar 200,000 warga Indonesia yang menetap di sini.

Encik Yoga juga tidak menjangka pembanjiran rakyat Indonesia yang meninggalkan negara mereka dalam beberapa tahun ini, kerana ekonomi Indonesia kini tumbuh dengan pesat dan peluang-peluang bagi membuka perniagaan semakin bertambah.

Selain itu, warga Indonesia perlu mengekalkan kerakyatan sekiranya mereka ingin miliki tanah atau hartanah untuk memulakan perniagaan, tambahnya lagi.

Profesor Hoon menarik perhatian terhadap “faktor penolakan yang kuat” seperti krisis kewangan Asia 1997, apabila rakyat Indonesia berbangsa Cina meninggalkan negara itu kerana perusuh menjadikan kediaman dan perniagaan mereka sebagai sasaran.

Hubungan antara penduduk berbangsa Cina dan perintah Indonesia, selain dengan kumpulan etnik yang berbeza, kini semakin baik, tambah Profesor Hoon lagi.